



**TEKS UCAPAN**  
**YB. SENATOR DATUK SERI SYED IBRAHIM BIN KADER**  
SMW,DPNS,DNS,AMN,JP  
**DI MAJLIS PERASMIAN PENUTUP**  
**PERHIMPUNAN AGUNG KIMMA KALI KE-39**

---

**Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak,  
Perdana Menteri Malaysia merangkap Pengerusi Barisan Nasional**

**Yang Berhormat Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansur,  
Setiausaha Agung UMNO/ BN,**



1. Marilah kita dahului dengan sembah tahmid ke hadrat Allah S.W.T. dan selawat serta salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W. Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama berhimpun pada hari yang bersejarah ini untuk menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup Perhimpunan Agung KIMMA kali ke 39 bagi tahun 2016.
2. Perhimpunan Agung KIMMA ini adalah kemuncak manifestasi suara akar umbi masyarakat India Muslim yang mahu melihat perjuangan bangsa diperkasa, kesucian agama dibela, kedaulatan pertiwi dipertahan dan keutuhan KIMMA sebagai gerakan pembela umat yang tiada galang-ganti ini diperkukuh dan diperteguhkan. Inilah perhimpunan terbesar masyarakat India Muslim yang mengangkat suara keramat rakyat dari segenap lapisan warga.
3. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kedatangan Yang amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri yang kita sayangi dan sanjungi ke Perhimpunan Agung KIMMA ke-39 seterusnya merasmikan Perasmian Penutup Perhimpunan pada kali ini. Walaupun cukup sibuk dengan jadual harian, Yang Amat Berhormat Dato' Sri masih tetap meluangkan masa untuk bersama KIMMA. Ini bukti keprihatian Yang Amat Berhormat terhadap kaum minoriti seperti kita.
4. Saya turut mengalu-alukan kedatangan sahabat baik saya, Yang Berhormat Dato' Sri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Setiausaha Agung UMNO merangkap Setiausaha Agung Barisan Nasional ke perhimpunan kali ini.

Dato' Sri dan Para Perwakilan yang dirahmati Allah sekalian,

5. Masih segar dalam sanubari setiap ahli KIMMA peristiwa penerimaan KIMMA sebagai Ahli Gabungan UMNO pada tahun 2010. Ini merupakan satu peristiwa bersejarah bukan sahaja bagi KIMMA malah buat UMNO juga. Ini adalah kerana buat kali pertama dalam sejarah UMNO menerima sebuah parti sebagai Ahli Gabungan.

6. Sejak penerimaan sebagai Ahli Gabungan, KIMMA Pusat terus diberi perhatian oleh YAB Dato' Sri. Pelbagai masalah yang membelenggu masyarakat India Muslim dapat diselesaikan secara berhemah hasil bantuan dan sokongan YAB. Dato' Sri. Sokongan berterusan YAB Dato Sri untuk Yayasan Kemajuan Islam Nasional (YAKIN) untuk membantu masyarakat India Muslim yang memerlukan dari sudut kebajikan, perubatan dan pendidikan mendapat satu impak yang cukup positif. Bantuan bukan terbatas setakat aspek di atas sahaja malah banyak NGO, Madrasah dan masjid India Muslim turut dibantu dalam pelbagai program pembangunan masyarakat.
7. Jika saya mengimbuai kembali sejarah, pernah ada seorang Perdana Menteri – yang memerintah Malaysia begitu lama sekali iaitu 22 tahun. Selepas bersara baru nak mengaku dirinya juga mengalir darah India Muslim tetapi sepanjang pemerintahannya beliau tidak pernah memberi sebarang pengiktirafan kepada KIMMA.
8. Tetapi hari ini, beliau boleh duduk semeja dengan seteru politik beliau semasa memerintah demi memperjuangkan ideologi sendiri. Kita di pihak KIMMA agak terkilang dengan sikap beliau yang membelakangkan prinsip demokrasi terhadap kerajaan yang dipilih oleh rakyat melalui pilihanraya umum.
9. Saya yakin masyarakat India Muslim tidak akan sesekali terpengaruh dengan tohmahan dan fitnah beliau terhadap pemimpin Negara. Dalam Negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, kita ada saluran untuk suarakan hasrat ini. Sebagai seorang mantan Perdana Menteri beliau sepatutnya lebih arif dalam hal ini. Marilah sama-sama kita berdoa agar beliau diberi petunjuk kembali ke jalan yang benar.
10. Persidangan Perwakilan KIMMA telah pun sempurna diadakan pada sesi pagi tadi. Jumlah kehadiran perwakilan pada sidang kali ini ialah seramai 1710. Sebanyak 13 pembawa usul telah membaca usul masing-masing. Masing-masing dengan gaya, rentak dan nada yang berbeza tetapi pada satu hala tuju. Justeru menjadi tanggungjawab saya untuk memanjangkannya pula kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri agar dapat diperhalusi dan dipertimbangkan suara masyarakat India Muslim ini.
11. Yang Amat Berhormat Dato' Sri, KIMMA diterima menjadi parti gabungan UMNO pada 23hb Ogos 2010. Sudah enam tahun KIMMA menjadi parti gabungan UMNO. Di peringkat pusat, Alhamdulillah, kita mendapat satu kerjasama yang cukup baik. Apa yang disuarakan oleh Pemimpin KIMMA di peringkat Negeri dan Bahagian, mereka kurang mendapat kerjasama daripada pemimpin tertinggi Barisan Nasional di peringkat negeri. Lebih menyedihkan lagi masih terdapat ketua-ketua bahagian UMNO yang tiada pengetahuan tentang gabungan ini.
12. Pada hemah saya, perkara ini tidak sepatutnya berlaku kerana KIMMA sendiri telah menghantar surat kepada semua Pengerusi Badan Perhubungan UMNO tentang perkara ini. YB Dato' Seri Setiausaha Agung UMNO juga telah menghantar pekeliling kepada semua Badan Perhubungan UMNO dan Ketua-Ketua Bahagian UMNO tentang perkara ini.

13. Lebih membingungkan KIMMA apabila ada Ketua Menteri yang gagal memanfaatkan kehadiran KIMMA bagi membantu mereka. Malah mereka juga tidak mahu hadir program-program KIMMA berskala besar tetapi hanya sekadar menghantar wakil sahaja. Ini jelas mengundang rasa tidak puas hati di kalangan pemimpin KIMMA di peringkat negeri dan bahagian. Mereka merasakan seolah-olah mereka ini hanya dipergunakan di waktu pilihanraya umum dan kecil sahaja.

Dato' Sri dan Para Perwakilan yang dirahmati Allah sekalian,

14. Saya percaya ini tidak mencerminkan sikap keseluruhan pemimpin UMNO/BN. Ada juga Ketua Menteri dan Menteri Besar yang memberi bantuan dan sokongan yang cukup jitu kepada kepimpinan KIMMA. Segala bantuan dan sokongan mereka amat kita hargai dan sanjungi. Apa yang kita harapkan agar YAB Dato' Sri agar dapat membantu KIMMA dalam mencapai satu solusi jangka panjang dalam hal ini. Kita juga mahu sama-sama berganding bahu membantu UMNO dan Barisan Nasional mencapai kemenangan besar dalam PRU ke-14 yang kita jangka akan diadakan kurang 2 tahun dari sekarang.

15. Yang Amat Berhormat Dato' Sri , dalam hal ini, saya dapati dalam Perhimpunan Agung UMNO pun – KIMMA tidak diberi tempat yang sepatutnya sebagai parti gabungan. Pemimpin KIMMA juga sering bertanya kepada saya apakah kita diterima sebagai pemerhati dalam Perhimpunan Agung UMNO. Walaupun saya dan Ketua-Ketua Pergerakan KIMMA mendapat jemputan ke Majlis Perasmian Persidangan, ia hanya setakat itu sahaja. Sebagai parti Gabungan UMNO, saya mohon agar kita diberi ruang sebagai pemerhati semasa berlangsungnya persidangan. Ini akan memberi satu pendedahan yang cukup besar kepada pemimpin KIMMA yang hadir bagi merasai roh perjuangan parti keramat yang berusia 70 tahun.

16. Dalam hal ini, saya harus ucap terima kasih dan memberi penghargaan kepada Setiausaha Agung UMNO, Yang Berhormat Datuk Seri Tengku Nan kerana ke mana sahaja beliau pergi atau apa sahaja program yang beliau hadir, beliau akan tekankan KIMMA ialah parti gabungan UMNO .

17. Yang Amat Berhormat Dato' Sri – dalam Perhimpunan Agung yang lepas yang dihadiri oleh Mantan Timbalan Perdana Menteri, KIMMA telah memohon untuk menjadi parti komponen Barisan Nasional. Mantan Timbalan Perdana Menteri telah meminta KIMMA memohon secara rasmi kepada Barisan Nasional dan KIMMA telah pun membuat permohonan tersebut kepada Barisan Nasional. Namun, jawapan yang diperolehi dari Dewan Tertinggi Barisan Nasional ialah “KIMMA disyorkan untuk terus kekal sebagai parti gabungan UMNO.”

18. Yang Amat Berhormat Dato' Sri, terlebih dahulu saya mohon maaf kerana terpaksa membawa perkara ini kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri. Tetapi inilah kehendak akar umbi dan saya tiada pilihan lain selain dari membawanya kepada perhatian Yang Amat berhormat Dato Seri.

19. Dalam Persidangan Perwakilan KIMMA pada tahun 2012, yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri, kita ada membawa 17 usul sampai Yang Amat Berhormat sendiri terkejut dengan bilangan usul tersebut. Alhamdulillah 3 daripadanya telahpun diselesaikan oleh Yang Amat Berhormat. Maka tahun ini kita

ambil angka keramat '3' jadi kita akan bagi tiga usul sahaja kepada YAB Dato Seri. Jadi Dato' Sri boleh tarik nafas lega sikit.

20. Untuk makluman Dato' Sri, dalam situasi politik tanahair yang begitu banyak cabaran, KIMMA juga tidak terlepas dari menjadi sasaran pihak pembangkang. Pihak pembangkang memang tunggu masa dan sentiasa menanggung di air yang keruh cuba memesongkan ahli-ahli KIMMA dengan menawarkan pelbagai jawatan dan imbuhan jika KIMMA memihak kepada mereka.
21. Dalam hal ini, ramai pemimpin KIMMA berada dalam keadaan dilemma. Ini bukan kerana kesetiaan mereka terhadap BN tergugat, tetapi mereka merasakan KIMMA dan India Muslim tidak mendapat pengiktirafan yang sewajarnya dalam lanskap politik Negara. Justeru mohon Yang Amat Berhormat Dato' Sri agar dapat memberi satu maklumbalas positif terhadap keluhan mereka ini.
22. Dulu, kini dan selamanya KIMMA mahu terus manjadi parti yang menyokong penuh serta setia kepada Barisan Nasional. KIMMA merupakan satu-satunya parti India Muslim yang teguh berdiri bersama UMNO dan Barisan nasional di masa senang dan susah. Dan KIMMA juga terus menyokong penuh kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri serta mempertahankan Dato' Sri dari segala asakan, desakan, tohmahan, fitnah, cemuhan, mahupun ugutan. Atas dasar kesetiaan kepada pemimpin Negara, kita menyatakan sokongan penuh secara terbuka keatas kepimpinan YAB Dato' Sri.

Dato' Sri dan Para Perwakilan yang dirahmati Allah sekalian,

23. Umur KIMMA telah mencecah 40 pada tahun ini. Parti yang diasaskan pada tahun 1976 ini telah melalui pelbagai proses tranformasi. Kita tentu sekali tidak mahu menjadi sebuah parti yang gagal beredar mengikut peredaran zaman. KIMMA sedang menjalani proses penjenamaan semula supaya kekal relevan dalam landskap politik Negara. KIMMA telah memperkenalkan Kad Pintar Keahlian yang mempunyai 22 butiran tentang seseorang ahli. Kad ini juga dapat mengenal pasti seseorang ahli KIMMA di DUN dan Parlimen mana dia mengundi.
24. Dari proses pemutihan ahli yang telah dilakukan sehingga kini sebanyak 178, 242 kad ahli telah dikeluarkan dan proses pemutihan ahli masih berjalan. 178 ribu kad ahli KIMMA ini juga adalah pengundi berdaftar di DUN dan Parlimen masing-masing. KIMMA mensasarkan untuk mencecah angka 300 ribu keahlian yang juga pengundi berdaftar menjelang penggal ketiga 2017. Ini adalah sebahagian dari usaha KIMMA untuk menambah bilangan pengundi India Muslim yang akan layak mengundi pada PRU ke 14 kelak.
25. KIMMA juga telah mengadakan banyak program kesedaran politik dan pilihan raya. KIMMA juga mengadakan program-program Retreat untuk ahli-ahli pelbagai peringkat. Sebagai langkah persediaan menghadapi PRU 14, KIMMA telah mengenal pasti ahli-ahli yang layak mengemudi jentera pilihan raya di seluruh negara. KIMMA juga memastikan setiap ahli adalah pengundi berdaftar dan akan mengundi untuk Barisan Nasional. Untuk pengetahuan Yang Amat Berhormat Dato' Sri, KIMMA sedang membuat persiapan untuk ke Sarawak bagi membantu jentera Barisan Nasional Pilihan Raya Negeri Sarawak yang akan diadakan pada hujung bulan ini. Harapan dan Doa seluruh ahli KIMMA agar Barisan Nasional akan

menang besar dalam Pilihan Raya Negeri ini. Ini bakal menyuntik semangat seluruh jentera BN dalam menghadapi PRU ke 14.

Yang Amat Berhormat Dato' Sri dan Para Hadirin yang dirahmati ALLAH,

26. Sepertimana yang kita semua sedia maklum, masyarakat India Muslim merupakan majoritinya peniaga dan pedagang dari dulu hingga sekarang. Sumbangan mereka kepada ekonomi negara sangat signifikan dan menjadi pemangkin kepada industri hiliran dan industri kecil bumiputera. Satu kajian yang dibuat oleh KIMMA pada 2008 mendapati kaum India Muslim menjalankan 126 jenis perniagaan di Malaysia.
27. Sebagai contoh – Pengusaha Restoran India Muslim atau lebih popular dengan panggilan Restoran Mamak, menyumbangkan lebih RM 5 billion kepada ekonomi negara setiap tahun. Ini satu jumlah yang cukup besar dalam industri makanan negara. Tidak hanya dengan itu, operasi restoran Mamak turut menjadi 'Periuk Nasi' kepada ramai pengusaha dan pembekal bumiputera Islam. Sebagai contoh pembekal kicap, sos, ayam, bahan mentah dan banyak lagi. Restoran-restoran Mamak ini juga sudah mewujudkan satu 'Supply chain' di kalangan pengusaha-pengusaha bumiputera Islam yang menaruh harapan sepenuhnya kepada restoran-restoran Mamak ini untuk membeli produk-produk mereka. Kewujudan dan operasi restoran Mamak yang kebanyakannya 24 jam menjadi satu nilai tambah kepada negara kerana kemudahan mendapatkan makanan halal tanpa mengira masa.
28. Walau bagaimanapun, sejak kebelakangan ini restoran Mamak menjadi bahan sindiran dan ejekan pelbagai pihak. Ini ekoran dari perubahan dasar kerajaan serta gelagat penguatkuasa-penguatkuasa dari kementerian dan agensi kerajaan yang menjadikan restoran-restoran Mamak ini sebagai sasaran utama mereka.
29. Ini diikuti dengan kenyataan oleh Jabatan Imigresen untuk mencari dan menahan pekerja asing yang bekerja sebagai pelayan dan juruwang di restoran. Pemantauan tanpa mengira situasi oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi Dan Kepenggunaan dan juga Kastam terutamanya untuk GST dan harga makanan di khalayak ramai atau ketika waktu puncak perniagaan juga telah menimbulkan rasa kurang senang pengendali restoran mewujudkan satu gambaran kepada orang ramai seolah-olah restoran Mamak ini sengaja menaikkan harga sesuka hati.
30. Yang Amat Berhormat Dato' Sri, apabila pengendali-pengedali restoran memohon pekerja asing, mereka sudah pun terlebih dahulu melalui proses 'JCS' iaitu Job Clearance System dari kementerian Sumber Manusia. Bukannya pengusaha restoran tidak mahu mengambil pekerja tempatan tetapi sikap rakyat Malaysia yang tidak mahu bekerja di restoran-restoran menyebabkan pengusaha restoran ini tiada pilihan dan terpaksa bergantung kepada pekerja asing.
31. Untuk makluman YAB Dato' Sri, kita juga tidak mahu bergantung sepenuhnya kepada sumber tenaga asing. Ini kerana pengusaha restoran terpaksa mengeluarkan satu belanja yang agak besar untuk mengambil pekerja asing. Kita juga bersedia untuk bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dan agensi berkaitan untuk mengoptimalkan kegunaan tenaga kerja tempatan. Tetapi ini akan mengambil masa. Sehingga itu kita terpaksa menggunakan tenaga kerja asing. Bagi tujuan tersebut, saya mohon jasa baik YAB Dato' Sri agar dapat membuka

semula kelulusan pekerja asing. Ini kerana sektor perkhidmatan adalah sektor yang paling terjejas akibat langkah kerajaan untuk membekukan pengambilan pekerja asing.

32. Kenaikan harga barangan seterusnya memberi kesan besar kepada pengusaha premis makanan. Kerajaan memberi subsidi kepada barang makanan tetapi terlepas pandang kepada barang makan yang digunapakai oleh pengusaha restoran, sebagai contoh – subsidi diberi untuk tepung gandum 1 kg, tetapi tiada subsidi tepung gandum 25 kg. Pengusaha restoran juga tersepit dengan pelbagai lagi kenaikan kos operasi restoran. Dalam usaha mengawal harga makanan dan kos yang perlu ditanggung oleh pengusaha, maka saya ingin mencadangkan agar kerajaan mewujudkan satu mekanisme khusus memberi subsidi terhadap kepada pengusaha premis makanan. Dengan adanya mekanisme ini, ia akan memudahkan kerajaan mengawalselia harga pada masa yang sama pengusaha tidak akan terbeban.
33. Untuk makluman YAB Dato' Sri, para pengusaha restoran membelanjakan satu amaun yang agak munasabah untuk menyediakan satu kemudahan bertaraf 5 bintang. Walaupun kemudahan bertaraf 5 bintang, harga restoran dan di warung tidak jauh bezanya. Di Bandaraya Kuala Lumpur, kita masih lagi boleh menikmati sarapan pagi pada harga RM 2.60 di restoran mamak. Untuk item yang sama kita pasti tidak boleh makan atau minum pada harga tersebut di premis lain. Dalam erti kata lain, kita menyediakan satu one stop centre pada harga yang cukup murah.
34. Saya juga ingin menarik perhatian YAB Dato' Sri bahawa yang sering menjadi mangsa setiap kali kenaikan harga adalah peruncit. Kita mendapat banyak aduan dari pengusaha yang menjalankan perniagaan runcit bahawa pemborong dan pengilang menaikkan harga terlalu kerap. Apabila agensi penguatkuasaan membuat pemeriksaan, yang menjadi mangsa adalah peruncit. Besar harapan saya agar Yang Amat Berhormat Dato' Sri dapat memberi satu perhatian khusus terhadap keluhan para peruncit ini.
35. Yang Amat Berhormat Dato' Sri, KIMMA sebagai parti politik mahu memainkan peranan yang aktif dalam senario politik negara. KIMMA merupakan satu-satunya Wakil India Muslim dalam politik. KIMMA 100% Islam dan mempunyai kelebihan - mampu bergaul mesra dengan masyarakat Melayu yang seagama dan mampu beramah mesra pula dengan masyarakat India yang sebahasa. Dwi fungsi KIMMA ini adalah keistimewaan yang seharusnya dijadikan senjata dan strategi menghadapi serangan pihak lawan dan juga pada Pilihan Raya Utama 14 yang akan datang.
36. Ini termasuklah memberi penjelasan tentang isu-isu semasa, senario politik tanah air, isu 1MDB, Isu Mantan Perdana Menteri yang menjadi Perdana Menteri 22 dengan aman, selesa tetapi sekarang ini nak buang Perdana Menteri yang ada dengan apa cara sekalipun, isu Lim Guan Eng yang tak habis-habis beretorik, berbohong dari dulu hingga sekarang dengan isu banglonya yang cukup kontroversi dan banyak lagi. Pembangkang ini memang terkenal dengan retorik mereka. Masalah di rumah sendiri pun belum selesai tapi mereka ingin campur tangan dalam pentadbiran Negara. Ada Ahli Parlimen yang sanggup berlakon digari bagi menagih simpati rakyat. Akhir sekali dia sendiri termakan dengan lakonan beliau apabila pihak media menyiarkan gambar tangan beliau bersimpul tanpa gari

di belakang. Inilah wajah sebenar pembangkang!

Dato' Sri dan Para Perwakilan yang dirahmati Allah sekalian,

37. Yang Amat Berhormat Dato' Sri usul KIMMA yang pertama selaras dengan persempadanan semula kawasan Pilihan Raya, KIMMA memohon agar diberikan sekurang-kurangnya 1 Kerusi Parlimen dan 2 Kerusi Dun. KIMMA berpandangan bahawa tiada sebab KIMMA tidak boleh dapat kerusi untuk bertanding pada Pilihan Raya Utama yang akan datang, sama ada kerusi ini diagih-agihkan kepada KIMMA melalui Barisan Nasional ataupun melalui kerusi-kerusi pihak UMNO. KIMMA yakin mampu mencapai kemenangan yang baik jika diberi peluang In Sya Allah.
38. Yang Amat Berhormat Dato' Sri, seluruh warga India Muslim di Bumi Malaysia ini amat terhutang budi kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri. Yang Amat Berhormat Dato' Sri lah yang telah memberi pengiktirafan yang tinggi kepada KIMMA, mengangkat darjat KIMMA serta memberi peluang sama rata kepada India Muslim untuk turut serta bergelar Bumiputera.
39. Usul KIMMA yang kedua – KIMMA memohon kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri untuk terus kekalkan kerusi Senator yang telah diperuntukkan kepada KIMMA. Tempoh saya sebagai Senator akan tamat pada 2017. Selepas saya, KIMMA harus mempunyai wakil dalam Dewan Negara.
40. KIMMA memohon agar Yang Amat Berhormat Dato' Sri dapat melantik seorang dari KIMMA sebagai wakil dalam Kabinet Yang Amat Berhormat Dato' Sri. In Sya Allah dengan rekod cemerlang KIMMA, saya yakin KIMMA mampu menggalas tugas-tugas yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri dalam memajukan dan membangunkan Malaysia.
41. Yang Amat Berhormat Dato' Sri, pendidikan merupakan satu-satunya alat yang amat mustajab untuk membangunkan suatu Bangsa dan Negara. Pendidikan juga dapat mengeluarkan seseorang daripada kepompong kemiskinan. Seperti kata pepatah 'Kemiskinan Bukan Untuk Diwarisi, Kemiskinan Mampu Diatasi'. Justeru hanya dengan pendidikan sahaja kita mampu atasi kemiskinan ini. Dalam hal ini, terdapat ramai pelajar India Muslim yang cemerlang tetapi tidak dapat melanjutkan pelajaran akibat kekangan kewangan.
42. Justeru, usul KIMMA yang ketiga - KIMMA memohon kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri agar dapat meluluskan dana berjumlah RM 5 Juta untuk tabung pendidikan KIMMA. Sehingga ke hari ini, KIMMA telah mambantu pelajar melanjutkan pengajian mereka. Dengan adanya dana ini, KIMMA dapat membantu lebih ramai lagi pelajar yang kurang kemampuan untuk melanjutkan pelajaran dan seterusnya berjaya dalam kehidupan dan menyumbang kepada pembangunan Negara.

Seperti yang kita janjikan, kita hanya beri 3 usul untuk pertimbangan YAB Dato' Sri. In Sya Allah kita akan pastikan segala harapan dan saranan yang bakal disampaikan oleh Yang Amat Berhormat akan kita penuhi.

***'Sir, We are For You, We are With! Go Ahead with Your Tranformation Agenda and Rakyat's Support is Always There.'*** In Sya Allah. Sekian.